



SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI KANAK-KANAK BILANGAN 1 TAHUN 2025

PUTRAJAYA, 8 APRIL - YB Dato' Sri Hajah Nancy Syukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-kanak (MKBKK) Bilangan 1 Tahun 2025 di Bilik Mesyuarat, Aras 36 Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Mesyuarat ini merupakan platform strategik bagi membincangkan isu-isu berkaitan kanak-kanak serta merangka penyelesaian bersepadu melibatkan pelbagai pihak berkepentingan yang terdiri daripada lantikan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang kanak-kanak, kementerian serta agensi-agensi yang berkaitan dan wakil kanak-kanak daripada Majlis Perwakilan Kanak-Kanak Kebangsaan (MPKK).

Sebanyak dua (2) kertas pemakluman telah dibentangkan dalam mesyuarat ini iaitu:

- i. Taklimat Berkaitan Dasar Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Dasar kanak-Kanak Negara oleh Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik KPWKM.
- ii. *The Nexus of Trafficking and Disability and Addressing Trafficking in Persons among Vulnerable Groups* oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kedua-dua pembentangan ini menekankan keperluan kepada perlindungan menyeluruh terhadap kanak-kanak melalui pelaksanaan dasar yang bersifat inklusif serta pemantapan inisiatif menangani isu pemerdagangan kanak-kanak rentan termasuk mereka yang berkeperluan khas. Hasil perbincangan diharap dapat memberi input berimpak tinggi dalam membentuk persekitaran yang lebih selamat dan sejahtera untuk kanak-kanak.

Berkuatkuasa 1 Januari 2025, Malaysia secara rasmi memegang amanah sebagai Pengerusi Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) buat kali kelima. Sehubungan peranan penting ini, KPWK M akan menganjurkan 16 program utama di peringkat serantau, antaranya *2025 ASEAN ICT Forum on Child Online Protection*, *ASEAN Conference on Elderly Care*, *2nd ASEAN WPS Summit*, *The New Frontier of Care Seminars*, Program Pasangan Sempena Kepengerusian ASEAN 2025, Memorandum Persefahaman Malaysia-Singapura, Ekspo OSAKA 2025, dan Sambutan Ulang Tahun *Convention on The Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW)* ke-30.

Kementerian berharap agar mesyuarat ini menjadi platform yang bukan sahaja membincangkan isu-isu semasa kanak-kanak tetapi turut mencadangkan dasar serta syor yang tuntas kepada Kerajaan dalam pelbagai aspek melibatkan sokongan, penjagaan, perlindungan, pembangunan dan kesejahteraan kanak-kanak.

KPWKM akan terus komited bekerjasama dengan semua pihak ke arah mewujudkan persekitaran yang lebih inklusif dan selamat bagi generasi masa hadapan negara.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
8 APRIL 2025**